

Ruj. Kami : MQA.100-1/7/1 Jld. 2 (17)

Tarikh : 9 Mei 2019

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,

PEKELILING MQA BIL. 6/2019

PERUBAHAN PROSES DAN TEMPOH AKREDITASI SEMENTARA DAN AKREDITASI PENUH MULAI JULAI 2019

Dengan hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) akan melaksanakan proses kerja baharu bagi permohonan Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh. Pelaksanaan proses kerja baharu ini akan memastikan pengurusan penilaian permohonan Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh daripada Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) menjadi lebih efisien dan sistematik.

3. Melalui pelaksanaan proses kerja baharu, beberapa perubahan akan berlaku iaitu:

- a) Tempoh piagam pelanggan bagi permohonan Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh adalah 9 minggu daripada tarikh dokumen lengkap sehingga keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Akreditasi MQA.
- b) Lawatan penilaian bagi permohonan Akreditasi Penuh telah ditetapkan pada minggu ke-9 hingga minggu ke-11 selepas minggu permohonan dan penghantaran dokumen ke MQA.
- c) Bagi permohonan Akreditasi Sementara yang memerlukan lawatan pula, lawatan penilaian akan diadakan pada minggu ke-8 selepas minggu permohonan dan penghantaran dokumen ke MQA.

Infografik bagi proses kerja baharu adalah seperti dalam **Lampiran A**.

4. Dimaklumkan juga bahawa proses kerja baharu ini tidak terpakai bagi permohonan program profesional, permohonan program secara pukal, permohonan program bidang baharu/kritikal dan permohonan program dengan perhatian khusus.

5. Bagi melancarkan proses baharu, pihak PPT perlu mengambil perhatian terhadap perkara berikut:

a) pelaksanaan Modul Pra-Pendaftaran Permohonan Program Secara Atas Talian yang memerlukan PPT untuk membuat pemakluman awal kepada MQA berkenaan dengan permohonan yang akan dikemukakan. Perincian berkenaan dengan Modul Pra-Pendaftaran adalah seperti berikut:

i. PPT perlu mendaftar dalam Portal e-Semakan Permohonan (eSP) bagi membolehkan akses kepada modul Pra-Pendaftaran.

ii. PPT perlu mengisi Senarai Semak Pematuhan Kualiti setelah selesai proses Pra-Pendaftaran. Senarai semak ini perlu disertakan bersekali dengan permohonan. Senarai semak ini boleh dirujuk melalui Portal eSP MQA (www2.mqa.gov.my/esp).

iii. Tempoh sah laku bagi setiap Pra-Pendaftaran adalah selama 45 hari. Sehubungan itu, PPT perlu mengemukakan permohonan sebelum tamat tempoh sah laku tersebut.

iv. PPT perlu membuat pembayaran ketika Pra-Pendaftaran dan mengemukakan bukti pembayaran ketika permohonan dibuat.

v. Carta alir Pra-Pendaftaran Permohonan Program Secara Atas Talian adalah seperti dalam **Lampiran B**.

b) tempoh masa penghantaran permohonan Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh kepada MQA adalah selama seminggu setiap bulan (Isnin hingga Jumaat).


6. Bersama ini disertakan jadual permohonan Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh bagi tempoh Julai hingga November 2019 seperti dalam **Lampiran C** bagi menggantikan jadual permohonan Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh sedia ada seperti yang terdapat dalam portal MQA. Jadual permohonan mulai tahun 2020 akan dikemas kini dari semasa ke semasa dan boleh diperolehi melalui Portal MQA (www.mqa.gov.my).

7. Pelaksanaan ini akan berkuat kuasa mulai **01 Julai 2019**.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' DR. RAHMAH BINTI MOHAMED)

E-mel : rahmah@mqa.gov.my

s.k.:


1. YBhg. Ketua Setiausaha
Pejabat Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
2. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 9, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
3. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA
4. SUSK YB Menteri Pendidikan
Pejabat Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 18, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA

5. Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
Tingkat Bawah, Menara PTPTN
Blok D, Megan Avenue II
No.12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 W.P. KUALA LUMPUR

6. Ketua Pegawai Eksekutif
Education Malaysia Global Services (EMGS)
Tingkat 20, Menara TA One
22 Jalan P Ramlee
50250 W.P. KUALA LUMPUR


7. Sekretariat
Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor Universiti Awam (JKNC/R UA)
Pejabat Naib Canselor
Aras 4, Bangunan Canselori
Universiti Malaysia Terengganu
21030 KUALA TERENGGANU, TERENGGANU

8. Sekretariat
Jawatankuasa Timbalan-Timbalan Naib Canselor/Rektor (Akademik &
Antarabangsa) (JKTNCRA IPTA)
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Aras 4, Canselori Tuanku Syed Sirajuddin
Universiti Teknologi MARA
40450 SHAH ALAM, SELANGOR



Berkuatkuasa
mulai permohonan
bulan Julai 2019

PROSES PENILAIAN AKREDITASI SEMENTARA



TEMPOH PIAGAM*


Program berikut yang diklasifikasikan sebagai kod merah dikecualikan daripada piagam pelanggan:

- 1) Program Badan Profesional
- 2) Permohonan program secara berkelompok (≥ 5 permohonan program yang sama yang dijalankan di cawangan yang berbeza)
- 3) Permohonan program bidang baharu
- 4) Kes-kes khas yang diputuskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Semakan Induk

Lawatan**

Keperluan lawatan ditentukan oleh MQA

CARTA ALIR MODUL PRA PENDAFTARAN PERMOHONAN PROGRAM AKREDITASI SEMENTARA DAN AKREDITASI PENUH



LAMPIRAN C

JADUAL PERMOHONAN AKREDITASI SEMENTARA DAN AKREDITASI PENUH BAGI TEMPOH JULAI – NOVEMBER 2019

Bulan	Tarikh Permohonan Dibuka	Minggu Lawatan (Akreditasi Sementara – MQA/PA)**	Minggu Lawatan (Akreditasi Penuh – MQA/FA)
Julai	22 Julai 2019 – 26 Julai 2019	17 Sept* 2019 – 20 Sept 2019	23 Sept 2019 – 11 Okt 2019
Ogos	19 Ogos 2019 – 23 Ogos 2019	14 Okt 2019 – 18 Okt 2019	21 Okt 2019 – 8 Nov 2019
September	17 Sept* 2019 – 20 Sept 2019	11 Nov 2019 – 15 Nov 2019	18 Nov 2019 – 6 Dis 2019
Oktober	14 Okt 2019 – 18 Okt 2019	13 Jan 2020 – 17 Jan 2020	20 Jan 2020 – 7 Feb 2020
November	11 Nov 2019 – 15 Nov 2019	17 Feb 2020 – 21 Feb 2020	24 Feb 2020 – 13 Mac 2020

Nota:

Waktu urusan Kaunter Penerimaan Dokumen (Aras 4 Mercu MQA) adalah seperti berikut:

- **Isnin - Khamis : 8.30 pagi - 4.30 petang**
- **Jumaat : 8.30 pagi - 12.15 tengah hari**
- **Waktu Rehat : 1.00 petang - 2.00 petang (Tutup)**

* 16 Sept 2019 – cuti umum Hari Malaysia

** Permohonan program secara *Open and Distance Learning* (ODL), *Work-Based Learning* (WBL), permohonan program bidang Perubatan dan Sains Kesihatan serta bidang Hospitaliti memerlukan lawatan penilaian ke pusat wilayah/ industri/Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT). PPT perlu memastikan permohonan program tersebut mengambil kira minggu lawatan yang akan diadakan sebelum membuat permohonan.